

Sukan IPT pegang peranan besar dalam pembangunan sukan: Mary

GL Oh DE 17.12.2017 8

KOTA KINABALU: Temasya sukan untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara memainkan peranan yang besar dalam pembangunan sukan dalam kalangan atlet-atlet institusi.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmianya untuk temasya Sukan Institut Pengajian Tinggi Sabah Kedua yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Sabtu.

Beliau berkata acara itu bukan sahaja akan membantu pembangunan atlet Sabah, ia juga membolehkan bakat-bakat baharu untuk peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Acara seperti ini akan membuka pintu untuk bakat baharu pergi lebih jauh. Seba-

gai contoh, Sukan SEA baru-baru ini di Kuala Lumpur di mana 264 daripada jumlah keseluruhan atlet tersebut datang daripada IPT dan 53 daripada mereka menyumbang kepada sejumlah 145 pingat emas yang dimenangi negara. Sekali lagi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan saya berbangga dengan pencapaian ini."

Beliau menambah bahawa Kementerian komited dan akan memberi kerjasama penuh kepada sebarang acara sukan sedemikian yang dianjurkan mana-mana institusi pengajian tinggi di Sabah untuk meningkatkan kualiti standard institusi sukan negeri.

"Kementerian akan menyalurkan dana agar program ini direalisasikan dan membuka peluang kepada Institusi Pengajian Tinggi Sabah untuk mengambil bahagian dan memeriahkan lagi acara tersebut."

Seramai 767 atlet daripada 20 institusi dalam negeri mengambil bahagian dalam acara selama dua hari tersebut di mana UMS muncul sebagai juara bertahan keseluruhan untuk trofi cabaran Datuk Dr Mary Yap Kain Ching. Sementara itu, Naib Canselor UMS Professor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata penglibatan penuntut IPT dalam kejohanan sukan di kedua-dua peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah satu petanda positif dan merupakan satu sumbangan yang bagus kepada institusi dan negeri masing-masing serta negara dengan kejayaan yang dikecapi.

Beliau juga berkata kunci bagi kejayaan menganjurkan temasya tersebut bergantung kepada IPT berkenaan dan mereka yang terlibat terutamanya Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan.



MARY (ketiga dari kiri), Kamarudin (kedua dari kiri) dan Dr Ismail bersama kontinjen UMS.